



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(Company No. 902864V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 2: SUNGAI BULOH – SERDANG – PUTRAJAYA (SSP) adalah sejajar dengan Suruhannya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) "Urban Rail Development Plan (URDP)" iaitu Pelan Utama Pengangkutan Awam Lembah Klang yang menghubungkan koridor utara dan selatan dengan Pusat Bandaraya Kuala Lumpur melalui rangkaian rel yang sedia ada. Laluan SSP akan berfungsi sebagai sistem tulang belakang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di sepanjang lebuh raya atau jalan-jalan ke arah koridor selatan di Lembah Klang. Ia akan menyediakan kemudahan yang baik kepada penumpang, terutamanya bagi kawasan tempat kerja, komersial, kediaman, pusat pendidikan dan rekreasi. Laluan SSP akan melalui koridor yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan memberi tumpuan kepada kawasan persekitaran sedia ada yang kurang atau tidak mempunyai liputan perkhidmatan pengangkutan awam yang telah dikenal pasti dalam SPAD URDP. Ia akan menyediakan dan meningkatkan perhubungan awam untuk keperluan masa hadapan dan pusat-pusat pertumbuhan di sepanjang koridor melalui rel, perkhidmatan bas dan pengendali dengan berintegrasi untuk mewujudkan rangkaian masa depan termasuk LRT Laluan Sri Pelaling, KL MONDRAIL, Laluan MRT SBK, KTM Komuter, Bas Pengantara dan lain-lain.

Kerajaan telah melantik MASS RAPID TRANSIT CORPORATION Sdn Bhd (902864V) (MRT Corp.) sebagai Pemilik MRT Projek dan MMC GAMUDA KYMRT (PDP SSP) Sdn Bhd (1117100-V) sebagai Project Delivery Partner ("PDP") yang bertanggungjawab untuk melaksanakan dan menyiapkan sepenuhnya sistem Mass Rapid Transit (MRT) yang dikenali sebagai "PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 2: SUNGAI BULOH – SERDANG – PUTRAJAYA (SSP)".

Tujuan Pra-Kelayakan ini adalah untuk mengenal pasti dan menaharai pendek "Works Package Contractor (WPC)". Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran bagi pakej-pakej Kontrak Kerja (seperti senarai di bawah) perlu menyerahkan Dokumen Pra-Kelayakan yang telah dilengkapkan sepenuhnya. Hanya kontraktor-kontraktor yang berjaya dalam Pra-Kelayakan ini akan dipelawa untuk membuat tawaran bagi pakej kontrak kerja.

MRT Corp mempelawa para kontraktor untuk mengambil bahagian dalam proses Pra-Kelayakan ini. Para kontraktor yang berminat diminta menyerahkan dokumen Pra-Kelayakan yang lengkap dengan maklumat sokongan yang komprehensif. Pemohon perlu diingatkan bahawa penyertaan dalam proses Pra-Kelayakan ini tidak mengesahkan kelayakan untuk ke peringkat seterusnya iaitu Penyerahan Tender. Kesemua dokumen Pra-Kelayakan yang dihantar akan diteliti dan dinilai berdasarkan isi kandungan, kelengkapan serta kualiti dokumen. Hanya kontraktor-kontraktor yang disenarai pendek akan dihubungi untuk meneruskan permohonan ke peringkat seterusnya.

TAJUK PRA-KELAYAKAN & NO. PRA-KELAYAKAN	SYARAT-SYARAT PEMOHON	TAKLIMAT PRA-KELAYAKAN
<p>PRA-KELAYAKAN PEMOHON BAGI PAKEJ PEMBINAAN DAN PENYIAPAN KERJA-KERJA AWAM BERTINGKAT UNTUK PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 2: SUNGAI BULOH - SERDANG - PUTRAJAYA (SSP)</p> <p>PRA-KELAYAKAN NO.: SSP-MRTC-GENE-0VPR-PRQ-00002</p> <p>Siap kerja umum bagi kerja awam bertingkat antara lain merangkumi kerja-kerja berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kerja-kerja substruktur 2. Struktur lahan bertingkat termasuk "Segmental Box Girder" (Satu/Berkembar) 3. Lain-lain kerja-kerja berkaitan yang diperlukan 	<p>Mempunyai Lesen seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kategori Bumiputera Lembaga Pembangunan Industri Pembiayaan Malaysia (CIDB). • Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) Grade G7. • Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK). Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). • Sijil Taraf Bumiputera (STB). Dan 2. Kategori Terbuk Lembaga Pembangunan Industri Pembiayaan Malaysia (CIDB). • Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) Grade G7. • Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK). 	<p>Tarikh : Khamis, 4 Jun 2015</p> <p>Masa : 9.30 pagi</p> <p>Tempat : Pusat Komuniti Bukit Damansara No 3, Jalan Setia Budi Bukit Damansara 50490 Kuala Lumpur</p> <p>Pemohon perlu mendaftar pada pukul 8.30 pagi - 9.30 pagi. Maksimum 2 wakil daripada setiap Pemohon dibenarkan hadir. Wakil dari pemohon yang berminat mestilah kakitangan ulama yang berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang kerja tender dan kontrak serta diberi kuasa oleh syarikat.</p>

Dokumen Pra-Kelayakan boleh diperolehi mulai 4 Jun 2015 (selapas taklimat pra-kelayakan) sehingga 22 Jun 2015 dari:

TEMPAT JUALAN DOKUMEN PRA-KELAYAKAN DAN PENYERAHAN PRA-KELAYAKAN	MASA JUALAN DOKUMEN PRA-KELAYAKAN
Jabatan Perolehan Level 6, Menara I&P1, No. 46, Jalan Dungan, Bukit Damansara, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.	Isnin Hingga Khamis: 9:00 Pagi - 12:30 Tengah Hari Dan 2:00 Petang - 5:00 Petang Jumaat: 9:00 Pagi - 12:00 Tengah Hari Dan 3:00 Petang - 5:00 Petang

Pemohon dikehendaki menyerahkan dokumen seperti berikut:

- a) Dokumen Pra-Kelayakan yang telah lengkap berserta dokumen-dokumen sokongan yang komprehensif;
- b) Satu (1) dokumen asal dan satu (1) dokumen salinan di dalam fail (jenis 2 cincin) dengan pembahagi indeks bagi setiap bahagian; dan
- c) Satu (1) CD yang mengandungi salinan elektronik dalam format PDF dengan pembahagi indeks bagi setiap bahagian.

Pemohonan untuk Dokumen Pra-Kelayakan mesti disertakan dengan Draft Bank atau "Banker's Cheque" pada jumlah sebanyak RM530.00 (Termasuk 6% GST) di atas nama Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd dan tidak dikembalikan.

Dokumen Pra-Kelayakan yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermetri yang ditandakan (Pre-Qualification of Contractor for Elevated Civil Works for the Projek Mass Rapid Transit Laluan 2: Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya). Tajuk mestilah ditulis / dicetak di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Pra-Kelayakan di Jabatan Perolehan, seperti alamat diatas tidak lewat dari jam 12:00 tengah hari, Isnin, 6 Jun 2015.

Selain dari syarat-syarat Pra-Kelayakan di atas, Pemohon WAJIB memenuhi Kriteria Mandatori seperti berikut:

KRITERIA MANDATORI	
Kontraktor prospektif yang memenuhi kriteria berikut dan berminat untuk menawarkan khidmat bagi melakukan kerja-kerja di atas, atalah dijemput untuk menghantar dokumen-dokumen Pra-Kelayakan yang telah dilengkapkan	
Kategori	Pengalaman Kerja - Nilai Projek
Terbuk	<ul style="list-style-type: none"> • Purata Perolehan Tahunan dalam tempoh lima (5) tahun melebihi Ringgit Malaysia: Dua Ratus Lima Puluh Juta (RM250 Juta). • Berjaya menyiapkan sekurang-kurangnya satu (1) projek laluan bertingkat/ pembinaan jambatan/lebuhraya dalam tempoh lima (5) tahun terakhir dengan jumlah minimum Ringgit Malaysia: Dua Ratus Juta (RM200 Juta).
Bumiputera	<ul style="list-style-type: none"> • Purata Perolehan Tahunan dalam tempoh lima (5) tahun melebihi Ringgit Malaysia: Lima Puluh Juta (RM50 Juta). • Berjaya menyiapkan sekurang-kurangnya satu (1) projek laluan bertingkat/ pembinaan jambatan/lebuhraya dalam tempoh lima (5) tahun terakhir dengan jumlah minimum Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Juta (RM80 Juta).

Usahasama atau Konsortium antara syarikat-syarikat tempatan DIBENARKAN untuk mengambil bahagian untuk Pra-Kelayakan ini tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat berikut:

1. Semua syarikat hendaklah berdaftar dengan CIDB Gred G7. Walau bagaimanapun, Usahasama atau Konsortium ini tidak boleh melebihi daripada tiga (3) syarikat.
2. Setiap Pemohon dibenarkan satu (1) kali sahaja dalam pembentukan Usahasama atau Konsortium. Jika mana-mana pemohon didapati telah mengambil bahagian lebih daripada bilangan yang dibenarkan, semua permohonan untuk pra-kelayakan oleh ahli-ahli Usahasama atau Konsortium akan dibatalkan.
3. Pakej Kerja Kategori Terbuk: hanya diperuntukkan untuk syarikat Bumiputera individu atau Bumiputera Usahasama atau Konsortium Bumiputera.
4. Pakej Kerja untuk Kategori Terbuk: dibuka kepada semua syarikat tempatan sama ada individu, Usahasama atau Konsortium.

Nota:

1. Pra-Kelayakan adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berpengalaman serta berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan dan di bawah gred dan kategori seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah untuk Pra-Kelayakan dan dibenarkan membuat tawaran buat masa ini.
2. Semua Kontraktor Awam Utama sedia ada untuk Kerja-kerja Awam Bertingkat layak secara automatik di dalam Pra-Kelayakan ini dan tidak perlu mengambil bahagian.
3. Pemohon mestilah merupakan syarikat tempatan dan mesti memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhannya Syarikat Malaysia.
4. Pemohon digalakkan menghadiri taklimat pra-kelayakan sepertimana yang dijadualkan di atas.
5. Dokumen Pra-Kelayakan akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Pemohon boleh meneliti Dokumen Pra-Kelayakan sebelum membuat pembelian.
6. Kesemua pemohon mestilah mematuhi kesemua peraturan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia.
7. MRT Corp. TIDAK AKAN melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen Pra-Kelayakan sebelum dan/atau selepas waktu yang telah ditetapkan.
8. Dokumen Pra-Kelayakan ini hanya akan dijual kepada wakil pemohon yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil pemohon WAJIB mengemukakan Surat Pengesahan sebagai wakil serta dokumen yang berkenaan yang "ASAL" dan "SALINAN YANG DISAHKAN" oleh (Salahsaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A).
9. Sejalan dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia (Rui, (44) dim JK/MP/53/WP (140/07), 23 Jun 2006) adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diaduk sah oleh Pesuruhjaya Sumpah TIDAK akan diterima.
10. Sebarang pertanyaan berhubung dengan Pra-Kelayakan ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian 03-2095 2121 atau e-mail ke procurement@mymrt.com.my. Maklumat lanjut mengenai MRT boleh dilayari di laman web kami di www.mymrt.com.my
11. MRT Corp. berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan, meminta penjelasan selanjutnya dari mana-mana pemohon serta membatalkan proses Pra-Kelayakan ini dan menolak kesemua permohonan pada bila-bila masa tanpa menyatakan apa-apa sebab dan tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap pemohon yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.